

## **PERANAN PEMIMPIN PENDAPAT DALAM MENGGALAKKAN PENGLIBATAN BELIA MENJAYAKAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN DI KAMPUNG HULU CHUCHOH, SEPANG**

*(Role of Opinion Leaders in Promoting Youth Engagement towards the Success of Community Activities in Kampung Hulu Chuchoh, Sepang)*

Farid Shapie, Harith Zubir, Sufian Saifuddin, Syuhada Baharim, Syafiqa Baharim,  
Suhana Saad

### **ABSTRAK**

Makalah ini membincangkan berkaitan peranan yang dimainkan oleh pemimpin pendapat dalam menggalakkan penglibatan golongan belia menjayakan aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat di desa. Hasil kajian ini adalah berdasarkan temu bual bersama pemimpin pendapat serta pengalaman pemerhatian lapangan di Kampung Hulu Chuchoh, Sepang, Selangor. Secara umumnya adalah didapati masyarakat desa terutama kumpulan belia amat positif serta proaktif dalam menjayakan pelbagai aktiviti dan program-program yang dianjurkan di kampung tambahan pula Kampung Hulu Chuchoh juga terlibat secara aktif dalam aktiviti homestay. Kesan komunikasi yang berkesan antara pemimpin pendapat dan masyarakat setempat turut menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan terbinanya kemuafakatan antara penduduk kampung. Peranan pemimpin pendapat adalah amat penting dalam sesebuah komuniti atau organisasi kerana kemampuannya mempengaruhi pandangan dan tingkah laku yang akan membawa kepada kejayaan mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh komuniti itu sendiri.

Kata kunci: pemimpin pendapat, belia, penyertaan, komunikasi, institusi kepimpinan desa

### **ABSTRACT**

*This article discusses the role of the opinion leader in encouraging the youths to actively participate in the community development programs of the village. Part of the discussion is based on interviews and field observation in Kampung Hulu Chuchoh, Sepang, Selangor. It is found that youths in the village are actively participating and continuously supporting the programs that have been organized by the village leaders. The impact of effective communication between the opinion leader and its community will strengthen the unity of the community. The role of an opinion leader is crucial to influence the people's opinion and action towards achieving the objectives that has been set by the community.*

*Keywords: opinion leader, youth, participation, communication, village leaders*

## **PENGENALAN**

Di dalam sesebuah masyarakat atau kumpulan komuniti, pastinya akan ada seseorang individu yang bertindak mempengaruhi pandangan atau perilaku komuniti untuk bertindak. Keupayaan pelaku ini dalam membentuk pandangan dan mempengaruhi perilaku masyarakatnya digelar sebagai pemimpin pendapat (*opinion leader*) atau tokoh masyarakat (Rogers & Shoemaker, 1986) dalam (Abdul Hannan et. al, 2005). Peranan pemimpin pendapat (*opinion leader*) adalah amat penting di dalam sesebuah organisasi, kumpulan komuniti atau sesebuah desa bagi mendorong atau menyatu padukan pandangan dan tindakan masyarakat ke arah menjayakan sesebuah matlamat. Melalui peranan yang dimainkan oleh pemimpin pendapat, sebarang nasihat dan informasi akan dapat disalurkan dengan lebih cepat dan berkesan terhadap sesebuah komuniti.

Dari perspektif komuniti desa, peranan tersebut biasanya dimainkan oleh individu yang mewakili institusi-institusi kepimpinan desa seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Koperasi atau Persatuan yang diwujudkan bagi menjaga kepentingan masyarakat berkenaan. Kebiasaannya, pemilihan individu-individu ini adalah berdasarkan latar belakang pendidikan, pengalaman kerjaya, mempunyai *networking* yang luas dengan agensi-agensi Kerajaan atau swasta dan mempunyai hubungan baik serta paling disukai oleh masyarakat setempat. Dengan latar belakang yang kukuh, individu ini akan lebih mudah mendapat kepercayaan masyarakat dan dirujuk bagi mendapatkan sesebuah pandangan.

Bagi memupuk masyarakat desa yang berjiwa murni dan bersatu padu, peranan institusi kepimpinan desa adalah penting sebagai agen pembangunan dan pentadbiran desa. Tanggungjawab pembangunan dan pentadbiran desa tidak hanya dimainkan oleh pihak Kerajaan sebaliknya ia akan menjadi lebih berjaya sekiranya ia turut melibatkan kerjasama proaktif institusi kepimpinan desa. Sebagaimana termaktub dalam arahan no. 3 di dalam Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dilancarkan pada tahun 1962 oleh Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein (Perdana Menteri Malaysia ke 2), institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) merupakan satu organisasi yang dilantik oleh Kerajaan bagi memimpin dan mengatur masyarakat kampung ke arah mencapai kemajuan dan kesempurnaan hidup selaras dengan pembangunan. Oleh itu, peranan JKKK adalah amat penting sebagai agen penggerak atau pendorong kepada usaha-usaha penyatuan dan perpaduan masyarakat desa melalui aktiviti-aktiviti pembangunan dan dan juga hal-hal berkaitan kehidupan setempat.

## **Permasalahan Kajian**

Pembangunan sesebuah komuniti desa menuntut penglibatan semua pihak termasuk kumpulan belia bagi merencana dan menjayakan aktiviti pembangunan yang akan menjaga kepentingan mereka dan keseluruhan ahli di dalam komuniti. Namun begitu, usaha menggalakkan penyertaan komuniti khususnya kumpulan belia di dalam aktiviti-aktiviti pembangunan desa bukanlah suatu perkara yang mudah. Institusi kepimpinan desa khususnya JKKK memikul tanggungjawab yang besar bagi memupuk sikap bersatu padu dan semangat kesukarelaan di kalangan masyarakat kampung demi mencapai matlamat desa yang maju dan harmoni. Dengan pelbagai isu dan masalah yang timbul di dalam masyarakat seperti pertelagahan politik, konflik agama dan lain-lain masalah sosial, ianya menjadi antara faktor penghalang kepada institusi kepimpinan desa untuk berdampingan dengan masyarakat


khususnya kumpulan belia. Menurut Mohd. Yusuf Hj. Abdullah et.al (2011), strategi yang boleh digunakan untuk membangunkan komuniti desa memerlukan pelbagai input dan komponen penting antaranya komunikasi. Justeru peranan pemimpin pendapat adalah sangat penting sebagai agen komunikasi yang akan dapat mempengaruhi pandangan dan perilaku manusia untuk bertindak, menerima, menyokong dan mengambil bahagian dalam program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan di peringkat kampung.

### **Objektif Kajian**

1. Mengkaji peranan pemimpin pendapat dalam menggalakkan penglibatan komuniti belia dalam menjayakan aktiviti kemasyarakatan di Kampung Hulu Chuchoh.
2. Menilai penglibatan komuniti belia dalam menjayakan aktiviti-aktiviti pembangunan di Kampung Hulu Chuchoh.

### **Latar Belakang**

Kampung Hulu Chuchoh terletak di pekan Sungai Pelek, Sepang, Selangor dengan saiz kawasan seluas 572.8 hektar. Jumlah penduduk kampung ini dianggarkan seramai 1,200 orang penduduk (Bancian penduduk tahun 2012). Kampung ini terletak bersempadan dengan Kampung Orang Asli Bukit Bangkong dan Kampung Hulu Teris manakala KLIA terletak kira-kira 30 km daripada kampung tersebut. Di atas faktor lokasinya yang strategik, Kampung Hulu Chuchoh sering kali menjadi pilihan utama pelancong khususnya dari luar negara untuk mengikuti program dan aktiviti homestay yang dijayakan oleh kampung berkenaan. Antara aktiviti ekonomi utama penduduk kampung adalah perladangan kelapa sawit, industri kecil dan sederhana (IKS), ternakan lebah kelulut, ternakan lembu dan kambing dan aktiviti homestay.



Rajah 1 Peta Daerah Sepang, Selangor

Selain dibarisi kepimpinan institusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) yang berwibawa, kampung ini juga amat bertuah kerana disokong oleh kumpulan belia yang proaktif serta komunitinya yang bersatu padu dan berminda positif dalam menjayakan segala program pembangunan yang dirancang. Institusi JKKK Kampung Hulu Chuchoh telah mula diterajui oleh Tuan Haji Basir bin Wagiman sejak tahun 1991 dan JKKKP bermula tahun 2008, ekoran pertukaran pentadbiran Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Kini beliau juga memikul amanah dan tanggungjawab menerajui kepimpinan Koperasi Bersatu Maju Hulu Chuchoh Berhad (KOBEMAH) yang telah ditubuhkan sejak tahun 2015 bagi membantu menjana pendapatan kepada komuniti melalui pengembangan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam program pelancongan desa, perkhidmatan sewaan kenderaan dan perladangan sawit.

Dengan pengalaman yang luas dalam hal ehwal pentadbiran desa serta aktiviti homestay, beliau sering kali dirujuk oleh masyarakat setempat malahan kampung-kampung sekitar dan juga dari dalam dan luar negara. Secara tidak langsung, Tuan Haji Basir bin Wagiman telah memainkan peranannya sebagai pemimpin pendapat yang disanjung serta dihormati oleh masyarakat setempat.

## **PEMIMPIN PENDAPAT DAN KARAKTERISTIK**

Kepimpinan pendapat adalah sebuah idea yang wujud hasil daripada kajian komunikasi yang dijalankan sekitar tahun 1940-an oleh Lazarfeld yang kemudiannya disusuli kajian lanjutan oleh Katz dan Lazarsfeld (1955). Penyelidikan berkenaan kepimpinan pendapat bermula sejak tahun tersebut apabila radio dan media cetak mula menjadi medium utama untuk berkomunikasi dengan bilangan khalayak yang ramai. Dalam kajian itu mereka mencadangkan, dalam kerangka '*two-step flow*' seorang pemimpin pendapat itu akan membentuk pendapatnya di bawah pengaruh media massa (Katz & Lazarsfeld, 1955). Dengan itu, fasa pertama dalam model '*two-step flow*' bermula dengan media. Seterusnya di fasa kedua, pendapat tersebut akan disampaikan kepada pengikutnya atau pencari pendapat yang lain oleh seorang individu yang dikenalpasti sebagai pemimpin pendapat. Katz (1957) mengetengahkan idea iaitu pemimpin pendapat mempunyai ketersediaan yang paling tinggi kepada media dan informasi dan mereka inilah yang akan menyebarkan maklumat kepada orang ramai melalui interaksi '*two-step flow of communication*'. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa konsep asal ini menerangkan bahawa pemimpin pendapat bergantung kepada media untuk berkomunikasi dengan masyarakat.

Menurut Ban dan Hawkins (1996) pemimpin pendapat ditakrifkan sebagai "seseorang yang mempunyai pengaruh yang agak besar ke atas pendapat orang lain dalam kumpulan yang dia berada." Kotler (1998) pula mendefinisikan pemimpin pendapat sebagai orang yang boleh mempengaruhi ahli-ahli dalam sesebuah komuniti kerana kelebihan dalam teknik khas, pengetahuan, personaliti, dan keunikan-keunikan yang lain. Kemudian, Rogers dan Mowen yang dipetik di dalam Amos Kolawole (2016) mentakrifkan kepimpinan pendapat sebagai sejauh mana seseorang itu berupaya mempengaruhi tingkah laku individu, sikap atau tingkah laku secara terang-terangan dengan cara yang dikehendaki. Di sini jelaslah bahawa seseorang yang paling berpengaruh berkemungkinan besar akan dilantik dan dijadikan sebagai ketua/pemimpin bagi sesuatu kumpulan atau komuniti. Kelaziman ini telah diamalkan sejak turun-temurun lagi.

### **Ciri-ciri Pemimpin Pendapat**

Menurut Stephen C, et al. (2013) dan Shahid Ali Chaudhry dan Waseem Irshad (2013) pula, berikut adalah merupakan ciri-ciri pemimpin pendapat:

<b>Ciri-ciri Karakteristik Pemimpin Pendapat</b>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menikmati kehidupan</li> <li>2. Mempunyai akal fikiran yang sihat</li> <li>3. Menggunakan anda untuk menguji idea-idea beliau</li> <li>4. Motivasi anda untuk mengikuti nasihat beliau</li> <li>5. Tidak kisah apa kumpulan sosial yang dikaitkan dengan anda</li> <li>6. Tergolong dalam kumpulan sosial yang sama seperti anda</li> <li>7. Dengan mudahnya dapat menilai diri anda yang sebenar</li> <li>8. Mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi</li> <li>9. Mempunyai pendapat yang kukuh dalam banyak perkara</li> <li>10. Bukanlah orang yang sederhana</li> <li>11. Rendah diri, praktikal atau pragmatik</li> <li>12. Berasa cemburu terhadap pemimpin pendapat yang lain</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>13. Mempunyai pengetahuan dalam banyak perkara</li> <li>14. Menilai seseorang dengan adil</li> <li>15. Sentiasa sedia apabila anda memerlukan dia</li> <li>16. Kelihatan seperti orang kebiasaan</li> <li>17. Melahirkan empati terhadap orang lain</li> <li>18. Kaya (berkedudukan)</li> <li>19. Matang</li> <li>20. Mampu membuat anda mengikut undang-undang; menguatkuasakan norma kepada anda</li> <li>21. Agak berpengalaman tentang kehidupan.</li> <li>22. Suka memberi nasihat dan galakkan supaya orang lain melakukan perkara-perkara yang mereka takut untuk lakukan</li> <li>23. Tidak takut untuk memberi pendapat</li> <li>24. Tidak terlalu menonjol di khalayak ramai.</li> </ol>

Walaupun terdapat banyak kategori pemimpin pendapat berdasarkan bidang kepakaran dan status sosial, terdapat beberapa ciri penting dan tingkah laku pemimpin pendapat yang dikongsi bersama. Ianya boleh dibahagikan kepada beberapa dimensi (Katz, 1957):

- *Who one is* - Ini termasuk ciri-ciri personaliti tertentu atau nilai yang dipegang oleh individu tersebut;
- *What one knows* - Ini termasuk tahap pengetahuan dan kepakaran seseorang itu mengenai isu tertentu atau produk; dan
- *Whom one knows* - Ini termasuk jumlah bilangan kenalan seseorang itu miliki sebagai sebahagian daripada bulatan kenalan dan kawan-kawannya.

Selain itu, Nisbet dan Kotcher (2009) menyatakan, pemimpin pendapat bukan sahaja bersifat mampu menarik perhatian orang lain kepada isu, produk, atau tingkah laku tertentu tetapi juga, yang paling penting, mampu memberi isyarat tentang bagaimana orang lain harus bertindak balas. Pengaruh oleh pemimpin pendapat ini bukan hanya boleh berlaku dengan cara memberi nasihat dan cadangan, berkhidmat sebagai model yang orang lain boleh contohi, memujuk atau meyakinkan orang lain, tetapi juga dengan cara penularan, iaitu satu proses di mana idea-idea atau tingkah laku tersebar dimana orang yang mempengaruhi (pemimpin pendapat) dan penerima sendiri tidak menyedari apa-apa cubaan sengaja di pengaruh (Nisbet

& Kotcher, 2009). Menurut Savile (1965) (dalam Sunitha Chakravarthy & Bhavani Prasad, 2011) sifat-sifat lain yang bernilai adalah pemimpin pendapat disukai dan dihormati oleh masyarakat mereka atas sebab mereka mampu membuat keputusan yang bijak, mempunyai kefahaman yang jelas tentang keperluan dan keadaan tempatan, berjaya dalam pekerjaan atau bidang tertentu, bersedia untuk membantu memperbaiki isu dalam masyarakat mereka, serta mempunyai latar belakang ekonomi, sosial dan kebudayaan yang sama dengan orang-orang yang mereka pimpin. Atas ciri-ciri, sifat-sifat dan tingkah laku inilah yang membezakan pemimpin pendapat dengan pengikut mereka atau individu yang lain seterusnya melayakkan mereka menjadi pemimpin pendapat.

### **Peranan Pemimpin Pendapat**

Terdapat beberapa kajian tentang peranan pemimpin pendapat yang boleh dilihat dalam pelbagai bidang. Kajian Kamlesh Gakhar dan Aarti Chahal (2016) adalah untuk mengenalpasti peranan pemimpin pendapat dalam bidang pemasaran. Hasil kajian tersebut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pemimpin pendapat dengan bilangan produk yang dibeli. Ini membuktikan bahawa pemimpin pendapat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pembeli untuk membeli produk tersebut. Menurut Kamlesh dan Aarti lagi, walaupun strategi komunikasi yang digunakan untuk menarik minat pembeli seperti iklan radio dan televisyen memberi impak yang besar dalam mempengaruhi keinginan mereka, namun peranan pemimpin pendapat sebagai individu yang mempromosikan produk tersebut secara langsung tidak boleh dinafikan. Ini kerana, kebolehan pemimpin pendapat memberi penerangan tentang kelebihan produk sedikit sebanyak meningkatkan keyakinan kepada pembeli kerana mereka percaya bahawa pemimpin pendapat sudah mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam penggunaan produk tersebut. Peranan pemimpin pendapat dilihat penting sebagai satu pelengkap yang menyokong strategi komunikasi.

Menurut Rogers (2003), pemimpin pendapat adalah individu yang dijadikan sebagai rujukan oleh orang lain untuk mendapatkan maklumat. Oleh itu, dalam aspek politik peranan pemimpin pendapat adalah penting kerana mereka bertindak sebagai sumber rujukan bagi orang-orang yang tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam. Seperti kajian yang dijalankan oleh Amos Kolawole (2016) tentang peranan pemimpin pendapat dalam mempengaruhi keputusan mengundi bagi pengundi luar bandar, mendapati bahawa masyarakat luar bandar yang majoritinya tidak berpendidikan tinggi begitu bergantung kepada pemimpin pendapat dalam membuat keputusan untuk mengundi. Terdapat juga orang yang aktif di dalam politik bergantung kepada sumber tidak formal seperti pendapat dari pemimpin pendapat walaupun mereka boleh mendapatkan maklumat daripada sumber formal seperti radio dan televisyen. Hal ini kerana maklumat yang diperoleh dari pemimpin pendapat lebih dipercayai.

Menurut Liu (2007), peranan pemimpin pendapat boleh memberikan kesan yang positif atau negatif terhadap sesuatu hubungan yang dikaji. Seperti kajian Valente dan rakan-rakan (2005), mengenai program pencegahan merokok, mendapati bahawa pelajar yang berkawan rapat dengan pemimpin pendapat akan dapat mempengaruhi pelajar tersebut menyertai program selanjutnya dan ianya telah berjaya meningkatkan jati diri pelajar. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa keinginan pelajar untuk merokok adalah berkurangan disebabkan oleh kebolehan pemimpin pendapat mempengaruhi mereka dan membolehkan mereka mengubah fikiran. Ini menerangkan dengan jelas bahawa pengaruh

pemimpin pendapat ke atas diri seseorang memberi impak yang besar dimana ianya mampu mengubah sikap seseorang itu.

Pemimpin pendapat merupakan seseorang yang mampu untuk berkomunikasi dengan masyarakat dan mempengaruhi mereka untuk melibatkan diri dalam sesebuah aktiviti. Kajian oleh Gledis Jeinlef Manopo (2013) adalah untuk mengetahui bagaimana proses komunikasi yang dilakukan oleh pemimpin pendapat dalam mengajak masyarakat untuk melibatkan diri dalam program air bersih dan penjagaan tasik di Tondano, Indonesia. Didapati bahawa pemimpin pendapat menggunakan beberapa kaedah komunikasi untuk menarik masyarakat bersama-sama melibatkan diri dalam program kemasyarakatan tersebut. Antaranya ialah kaedah komunikasi lisan atau bukan lisan. Selain itu juga, pemimpin pendapat mengajak masyarakat melalui pendekatan kelompok seperti mendekati diri dengan kelompok pemuda, sekolah, agama dan nelayan. Kemudian, kaedah komunikasi *persuasive* (pujukan) dilihat antara kaedah yang sering digunakan dan mudah diterima oleh masyarakat. Bagi masyarakat desa, pendekatan yang digunakan oleh pemimpin pendapat lebih kepada komunikasi secara langsung dalam mempengaruhi masyarakat.

## **HASIL DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini akan membincangkan tentang dapatan yang diperolehi hasil daripada proses temu bual yang dijalankan. Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti peranan pemimpin pendapat dalam menggalakkan penglibatan belia setempat menyertai program kemasyarakatan yang dijalankan di Kampung Hulu Chuchoh.

Kajian ini dijalankan dengan menemubual Pengerusi JKKKP Kampung Hulu Chuchoh iaitu Tuan Haji Basir Bin Wagiman, yang telah dikenalpasti sebagai calon yang selayaknya untuk dijadikan responden kajian pemimpin pendapat ini. Hal ini demikian kerana, berdasarkan latar belakang beliau yang berpengalaman luas menerajui kepimpinan JKKK Kampung Hulu Chuchoh sejak dari tahun 1991 (iaitu ketika beliau berumur 40 tahun) terlibat dalam pembangunan ekonomi dan sosial kampung terutamanya program homestay yang dikenali sebagai Banghuris Homestay. Hasil kepimpinan beliau, kampung ini juga telah mencatatkan pencapaian dan pengiktirafan yang membanggakan seperti pernah memenangi anugerah-anugerah pertandingan kampung cemerlang dari peringkat daerah, negeri dan kebangsaan yang dianjurkan oleh jabatan dan agensi-agensi Kerajaan. Selain itu, Banghuris Homestay telah mendapat pengiktirafan Anugerah Pelancongan Malaysia oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) pada tahun 2004 dan Anugerah Homestay Terbaik negeri Selangor pada tahun 2013 dan 2014. Melalui inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan, ianya telah berjaya membantu meningkatkan taraf hidup penduduk kampung khususnya peningkatan pendapatan, membuka peluang pekerjaan dan sebagainya. Kejayaan kampung yang diperolehi melalui kepimpinannya sejajar dengan definisi kepimpinan menurut Ismail Noor (2000) iaitu, setiap tindakan yang menumpukan sumber-sumber ke arah matlamat yang benar-benar bermanfaat. Peranan yang dimainkan oleh pemimpin pendapat bagi menggalakkan penyertaan kumpulan belia dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan diuraikan seperti berikut:

### **Komunikasi Antara Pemimpin Dengan Masyarakat Mewujudkan Kemesraan**

Jalinan perhubungan yang mesra dan erat antara ketua dengan masyarakat di bawah kepimpinan sesebuah organisasi adalah sangat penting. Menurut Tuan Haji Basir, kemesraan

yang diterapkan dalam kepimpinannya adalah melalui proses komunikasi dengan masyarakat. Menurut Abdullah dan Ainon (1998), terdapat beberapa tujuan komunikasi dijalankan iaitu ingin memahami orang lain dan belajar mengenal diri sendiri, ingin menjalin hubungan dengan orang lain serta hendak mempengaruhi fikiran, perasaan dan tingkah laku orang lain supaya mereka boleh mengikuti seperti mana yang ditetapkan.

Melalui komunikasi bersama penduduk Kampung Hulu Chuchoh tanpa mengira umur atau status sosial mereka, beliau dapat mengenal dan mengetahui secara langsung setiap masalah, keperluan dan kehendak masyarakat. Hal ini turut dipersetujui oleh Nik Rashid (1993), dalam kajiannya, bahawa komunikasi adalah salah satu ciri penting di dalam sesebuah kepimpinan. Ini kerana untuk mempengaruhi peribadi individu, arahan melalui komunikasi diperlukan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Melalui komunikasi yang berkesan, ianya berjaya mewujudkan persepsi positif masyarakat terutama kumpulan belia terhadap kepimpinan kampung yang mana kebiasaannya kumpulan ini kurang berminat mendampingi institusi kepimpinan di kampung. Kemesraan yang wujud antara golongan belia dengannya turut dijelaskan semasa proses temu bual yang dijalankan. Sebagai contoh, golongan belia kerap berhubung dengan beliau untuk berkongsi masalah atau memohon pertolongan melalui aplikasi *whatsapp*. Kemudahan daripada penggunaan aplikasi ini juga telah memudahkan komunikasi antara beliau dan penduduk malahan berupaya mengeratkan hubungannya dengan golongan belia di kampung.

*“Saya sebagai ketua, seperti kepala kereta api di hadapan. Jika dia punya enjin dan ekor tak beri kerjasama, saya pun tak akan berjaya. Misalnya, Desa Lestari yang dimenangi oleh kampung ini, bukan saya yang menang, tetapi yang menangnya ialah semua orang kampung. Kalau orang kampung (termasuklah belia) tidak memberi kerjasama kepada saya, kemenangan tidak akan dapat dicapai. Itu yang saya mahu terapkan. Kampung ini bukan kampung saya, kampung ini milik semua.”*

(Tuan Haji Basir, 2017)

### **Melibatkan Belia Bersama JKKKP Dalam Urusan Pentadbiran Desa**

Umum mengetahui bahawa, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau JKKKP adalah sebuah organisasi yang ditugaskan oleh pihak kerajaan bagi mentadbir sesebuah kampung. Menurut Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2015), JKKK/JKKKP adalah jentera pentadbiran kerajaan di peringkat akar umbi yang diberikan tanggungjawab untuk mentadbir dan memajukan sesebuah kampung serta menjadi penghubung dan perantara antara rakyat dan agensi-agensi kerajaan. JKKK/JKKKP juga bertanggungjawab menyebarkan maklumat berhubung dasar-dasar dan program-program kerajaan yang dilaksanakan untuk kepentingan dan kesejahteraan penduduk. Ini jelas membuktikan kepentingan fungsi JKKK/JKKKP memajukan kampung dan menjadi perantara antara rakyat dan kerajaan. Sehubungan itu, hubungan baik antara JKKK/JKKKP dan masyarakat setempat memainkan peranan yang amat penting bagi mencapai matlamat pembangunan desa yang maju dan cemerlang. Program yang dilaksanakan oleh JKKK/JKKKP tidak akan berjaya jika tiada sambutan dan sokongan daripada masyarakat kampung terutama golongan belia, kerana mereka adalah generasi yang akan memastikan kelangsungan pembangunan dan kepimpinan desa masa akan datang.



Peranan yang dimainkan oleh JKKK/JKKKP secara tidak langsung menyokong kepada ciri-ciri kepimpinan pendapat. Menurut Tuan Haji Basir, perkara paling penting untuk menggalakkan belia bersama menjalankan aktiviti kampung adalah dengan merapatkan jurang di antara pihak JKKKP dengan belia kampung. Pandangan dan suara golongan belia sering kali diberi perhatian oleh Tuan Haji Basir. Hal ini kerana, beliau beranggapan bahawa golongan belia Kampung Hulu Chuchoh berupaya serta berkebolehan dalam segala hal dan sentiasa berkeinginan untuk terus memajukan kampung ke suatu tahap yang membanggakan. Oleh yang demikian, golongan belia sering kali diberi peluang untuk menyuarakan pandangan mewakili kepentingan mereka di dalam mesyuarat pengurusan JKKKP atau mana-mana mesyuarat yang berkaitan.

Malahan pelantikan ahli jawatankuasa JKKKP turut melibatkan kumpulan belia. Pewujudan Biro Belia, Sukan dan Rekreasi memberikan ruang kepada belia untuk merancang aktiviti-aktiviti yang akan memberi manfaat kepada kumpulan mereka. Hubungan yang erat dan sikap hormat menghormati antara kepimpinan JKKKP dan kumpulan belia telah memberi kesan positif terhadap taraf ekonomi dan nilai sosial masyarakat, justeru mewujudkan suasana desa yang sejahtera dan harmoni.

### **Melibatkan Belia Dalam Badan Sukarelawan Kampung**

Kerja sukarela umumnya ialah kegiatan atau usaha yang dilakukan dengan rela hati dan ikhlas untuk masyarakat atau orang lain tanpa mengharapkan ganjaran wang atau kebendaan (Azizan Bahari, 2009). Salah satu usaha yang turut dilakukan oleh Tuan Haji Basir untuk menggalakkan golongan belia menyertai program yang dianjurkan adalah dengan melibatkan belia itu sendiri dalam setiap badan sukarelawan. Menurut beliau:

*“...setiap badan-badan sukarela yang ada di kampung ini, contohnya di masjid, contoh politik...contoh badan-badan lainlah seperti Koperasi, kelab-kelab dan persatuan lain. Walaupun persatuan itu persatuan mengajar orang tua-tua tu kan... saya nak libatkan golongan belia dan jangan ditinggal...”*

(Tuan Haji Basir, 2017)

Walaupun setiap badan-badan sukarelawan yang ditubuhkan di Kampung Hulu Chuchoh disertai ramai dari golongan berusia, Tuan Haji Basir tetap menggalakkan penyertaan dan penglibatan kumpulan belia bersama dalam badan-badan sukarelawan tersebut. Misalnya program yang dianjurkan oleh pihak masjid kebanyakannya lebih menarik minat kumpulan dewasa dan warga emas, namun program-program khusus untuk kumpulan belia turut dianjurkan. Tuan Haji Basir sangat mementingkan penglibatan belia dalam program tersebut. Menurut beliau lagi,

*“siapa wakil belia, apa aktiviti belia... misalnya aktiviti memanah... aktiviti sukan yang dianjurkan sebegini tiada masalah dalam aturan... tetapi waktu solat baru kita ajak dia... bukan semestinya aktiviti sukan itu terhad dilakukan di padang sahaja... sebab kalau buat di masjid senang... setidak-*

*tidaknya memerlukan mereka menutup aurat... haa... kita nak tekankan benda-benda sebegini... ”.*

(Tuan Haji Basir, 2017)

Pendedahan kepada kumpulan belia dalam setiap badan sukarelawan dianggap penting oleh beliau kerana, belia merupakan generasi yang akan mentadbir dan membangunkan Kampung Hulu Chuchoh di masa akan datang. Penglibatan belia secara tidak langsung akan memupuk sikap amanah dan bertanggungjawab dan keupayaan mereka untuk meneruskan kecemerlangan kepimpinan desa ke tahap yang lebih baik.

### **Penglibatan Belia Dalam Aktiviti Kemasyarakatan Di Kampung Hulu Chuchoh**

Matlamat penganjuran program-program dan aktiviti-aktiviti di Kampung Hulu Chuchoh bukan sekadar hanya untuk menggalakkan penglibatan ramai belia malah bertujuan bagi melahirkan individu yang berakhlak tinggi dan berjati diri serta membentuk sifat kepimpinan yang bersikap amanah dan bertanggungjawab. Tambahan lagi, penglibatan belia dianggap penting kerana dapat memupuk dan mengembangkan nilai, amalan kerjasama dan perpaduan, demokrasi, hak-hak asasi manusia dan keadilan sosial dalam masyarakat (Azizan Bahari, 2009). Oleh yang demikian, Tuan Haji Basir sangat mengambil berat dengan penglibatan belia dalam setiap program anjuran kampung.

**Jadual 1. Takwim Belia 4B, Kampung Hulu Chuchoh, Sepang, Selangor.**

Tahun	Aktiviti	Jumlah Penyertaan (orang)
<b>2013</b>	Pertandingan badminton Banghuris	40
	Pertandingan futsal & ping pong	78
	Konvoi santai ke Pulau Pangkor, Perak	33
	Program Amal Dodol Ramadhan	35
	Konvoi belia bermotor Semarak Merdeka Kampung Hulu Chuchoh Mersing	68
	Turut serta dalam Program Sambutan Kemerdekaan 2013 bersama KEMAS	20
	Pertandingan Wau Terbuka Banghuris	264
	<b>JUMLAH PENYERTAAN 2013</b>	<b>538</b>
<b>2014</b>	Mesyuarat penyelarasan program & aktiviti tahunan	42
	Program Tanda Tekad	80
	Festival Nasi Ambeng	85
	Program Dodol Ramadhan 2014	56
	Menyertai liga bola sepak Piala Ketua Pemuda Sepang	19
	Menjadi tuan rumah Kejohanan Futsal Terbuka Parlimen Sepang Kerjasama dengan Pej. Belia & Sukan Daerah	270
	Pertandingan memancing sempena Karnival Nasi Ambeng di Pulau Aktiviti Homestay	38
	Menyertai Program Daulat Tuanku "Menjunjung Kasih DM Sultan	106

	Selangor"	
	Kempen Kibar Jalur Gemilang Sempena Bulan Kemerdekaan dan 1 Malaysia	30
	Menganjurkan Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah Tertutup Banghuris	78
	<b>JUMLAH PENYERTAAN 2014</b>	<b>804</b>
<b>2015</b>	Mesyuarat penyelarasan program & aktiviti tahunan	16
	Program Bubur Lambuk	39
	Sambutan Malam Kemerdekaan	215
	Program kepimpinan belia di Melaka	5
	Gotong-royong bilik gerakan belia	30
	Sambutan hari koperasi	260
	<b>JUMLAH PENYERTAAN 2015</b>	<b>565</b>
<b>2016</b>	Mesyuarat penyelarasan program & aktiviti tahunan	16
	Gotong-royong keceriaan kampung	42
	Menyertai Hari Sukan Negara anjuran Kementerian Belia & Su Daerah	16
	Menganjurkan Pertandingan memanah tradisional terbuka Banghuris	73
	Program wayang pacak	45
	Program mengacau dodol	39
	Gotong-royong membersihkan kubur bersama JKKK & JKM	112
	Program sembang santai Belia Hulu Chuchoh	30
	<b>JUMLAH PENYERTAAN 2016</b>	<b>373</b>

*Sumber:* Profil Kampung Hulu Chuchoh 2016

Jadual 1 di atas memaparkan program-program kemasyarakatan yang telah dianjurkan beserta jumlah penglibatan belia di Kampung Hulu Chuchoh. Penganjuran program tersebut dilaksanakan dari pelbagai peringkat iaitu dari peringkat kampung sehingga ke peringkat kebangsaan. Secara keseluruhannya, program-program tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kumpulan belia kampung dengan kadar penglibatan melebihi 80% daripada jumlah keseluruhan belia kampung. Penglibatan aktif belia dalam menjayakan aktiviti-aktiviti kampung berkenaan telah membuahkan hasil sehingga berjaya memperoleh anugerah iaitu Johan Belia Kurnia Jaya di peringkat negeri Selangor dan Naib Johan Anugerah Belia Kurnia Jaya di peringkat Kebangsaan pada tahun 2005. Ini menunjukkan bahawa kualiti belia berjaya digilap dan ditonjolkan oleh kepimpinan Kampung Hulu Chuchoh.

*"...belia di sini, pernah mendapat tempat kedua Anugerah Belia di Peringkat Kebangsaan. Maksud saya, ada keistimewaan tersendiri belia di sini, sebab itu mendapat tempat kedua..."*

(Tuan Haji Basir, 2017)

Penganjuran program-program berkenaan membuktikan komitmen dan semangat bersatu padu yang berjaya diterapkan kepada kumpulan belia oleh kepimpinan desa yang diterajui oleh Tuan Haji Basir. Kejayaan penganjuran program-program tersebut bukan sahaja berjaya melibatkan penyertaan belia-belia kampung dan kawasan sekitarnya malahan belia-belia dari luar negara. Kesan daripada penganjuran program-program ini juga telah berjaya

meningkatkan pengetahuan dan keyakinan diri belia, mengeratkan ukhuwah selain membina hubungan *networking* dengan rakan-rakan baru dari dalam dan luar negara.

## **KESIMPULAN**

Peranan pemimpin pendapat dalam sesebuah organisasi atau komuniti adalah amat penting dalam menyatu dan memacu hala tuju sesuatu pandangan atau matlamat komuniti. Sifat kebolehpercayaan, suka membimbing dan berpengetahuan luas merupakan antara ciri-ciri utama seorang pemimpin pendapat. Seorang pemimpin pendapat juga akan bertindak sebagai komunikator yang akan berinteraksi dengan masyarakat untuk menerangkan dan memujuk mereka untuk menerima program pembangunan yang telah dirancang oleh organisasi mereka. Hal ini akan menyebabkan manfaat diterima oleh masyarakat dari aspek peningkatan pengetahuan, kesedaran, dan taraf ekonomi. Di dalam makalah ini, telah membuktikan bagaimana peranan pemimpin pendapat yang dimainkan oleh Tuan Haji Basir bin Wagiman berjaya membantu menggerakkan penglibatan komuniti khususnya kumpulan belia dalam aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat di Kampung Hulu Chuchoh. Kesan perubahan pembangunan dapat dilihat sejak beliau menyandang jawatan sebagai Pengerusi JKKK dari tahun 1991 sehingga kini dengan pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah dicapai oleh Kampung Hulu Chuchoh. Salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan tersebut ialah kepercayaan yang beliau berikan kepada kumpulan belia dalam merancang dan menjayakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan di kampung. Hal ini merupakan salah satu pendekatan yang amat berkesan oleh seorang pemimpin pendapat dalam usaha untuk memajukan desa demi kelangsungan pembangunan masa akan datang.

## **RUJUKAN**

- Abdullah Hassan dan Ainon Muhamad. 1998. *Komunikasi untuk pemimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Amos Kolawole, 2016. Analysis of the Influence of Opinion Leaders on Voting Decision of Rural Voters: An Evidence from Ayetoro, Ogun- State of Nigeria. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*. 2(1): 45-53
- Azizan Bahari. 2009. Kerja Sukarela Kurang Mendapat Sambutan. <http://www.sukarelawanmalaysia.com/v1/artikel-teks-pembentangan/32-kerja-sukarela-kurang-mendapat-sambutan.html> [25 Mei 2017]
- Ban, A. W. Van Den & H.S. Hawkins. 1996. *Agricultural Extension*. Edisi ke-2. Oxford: Blackwell Science
- Frank C. S. Liu. 2007. Constrained opinion leader influence in an electoral campaign season: Revisiting the two-step flow theory with multi-agent simulation. *Advances in Complex Systems* 10(2): 233-250.
- Gledis Jeinlef Manopo. 2013. Peranan opinion leader dalam meningkatkan partisipasi masyarakat untuk menunjang program Bersih Eceng Gondok Danau Tonado. *Journal Acta Diurna* 1(1).

- Ismail Noor. 2000. *Kepimpinan Nabi Muhammad S.A.W Pengurusan Altruistik Model Ikutan Sepanjang Masa Perbandingan Silang Dengan Kepimpinan dan Pengurusan Semasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publicatios & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamlesh Gakhar & Aarti Chahal. 2016. Role of Opinion Leadership and Communication Strategies in Innovation, Adoption and Diffusion. *Journal of Management Sciences and Technology* 3(3).
- Katz, E. 1957. The two-step flow of communication: An up-to-date report on a hypothesis. *Public Opinion Quarterly* 21: 61-78.
- Katz, E., Lazarsfeld, P. & Research, C. U. B. O. A. S. 1955. *Personal influence: The part played by people in the flow of mass communications*, Free Press New York.
- Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. 2015. Maklumat JKJK/JKJKP. [https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=10&cad=rja&uact=8&ved=0ahUKEWj3vKGL45bUAhVIx7wKHRv7Dl4QFghGMak&url=http%3A%2F%2Fwww.rurallink.gov.my%2Fwp-content%2Fuploads%2F2015%2F05%2F146.pdf&usg=AFQjCNHakHie0-V3coB0ibn1S\\_FYXH4GTg&sig2=ricATfGyd2UJMquBncmCxQ](https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=10&cad=rja&uact=8&ved=0ahUKEWj3vKGL45bUAhVIx7wKHRv7Dl4QFghGMak&url=http%3A%2F%2Fwww.rurallink.gov.my%2Fwp-content%2Fuploads%2F2015%2F05%2F146.pdf&usg=AFQjCNHakHie0-V3coB0ibn1S_FYXH4GTg&sig2=ricATfGyd2UJMquBncmCxQ) [25 Mei 2017]
- Kotler. P. 1998. *Marketing Management*. Edisi ke-10. New Jersey:Prentice Hall, Inc.
- Lazarsfeld, P. F., Berelson, B. & Gaudet, H. 1944. *The people's choice: how the voter makes up his mind in a presidential campaign*. New York: Duell, Sloan and Pearce.
- Mohd. Yusoff, Noor Rahamah, Junaenah, Abd Hair & Ong P.Y. 2011. Komunikasi dan Pembangunan Komuniti Peringkat Desa: Berkongsi Pengalaman antara Indonesia dengan Malaysia. *Jurnal Melayu* (6): 227-237
- Nik A. Rashid Ismail. 1993. *Kepemimpinan: Ulasan Teori dan Kajiannya di Malaysia*. Dlm. Psikologi Melayu, diselenggara oleh Abdul Halim Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nisbet, M. C., & Kotcher, J. E. 2009. *A Two-Step Flow of Influence? Opinion-Leader Campaigns on Climate Change* 30(3): 328-354. California: SAGE Publications.
- Rogers, E. M. 2003. *Diffusion of innovation*. Edisi ke-5. New York: Free Press.
- Shahid Ali Chaudhry & Waseem Irshad. 2013. *Opinion Leadership and Its Role In Buyer Decision Making*. V II (I), 16-23, ISSN: 2305-865X. Resource Mentors (Pvt) ltd.
- Shah. M. Alamgir Hossain. 1995. Characteristic of Opinion Leader and Non Leader In Differentially Developed Villages of Bangladesh. *Bangladesh J. Agric Econs*.XVIII, 2
- Sunitha Chakravarthy & G.V. Bhavani Prasad. 2011. *The Impact of Opinion Leader on Consumer Decision Making Process*.

Valente, T.W., Hoffman, B.R., Ritt Olson A., Lichtman, K., & Johnson, C. A. 2005. The effects of a social network method for group assignment strategies on peer led tobacco prevention programs in schools. *American Journal of Public Health* 93: 1837-1843.

Farid Shapie, Harith Zubir, Sufian Saifuddin, Syuhada Baharim, Syafiqa Baharim & Suhana Saad  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Selangor  
Correspondence: Suhana Saad (email: suhanasaad@ukm.edu.my)